



MAJLIS DAERAH TUMPAT

Januari 2025



MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS MAJLIS DAERAH TUMPAT BAGI TAHUN 2025

14.1.2025 (Selasa) - Majlis Mengangkat Sumpah Penerimaan Jawatan Ahli Majlis, Majlis Daerah Tumpat Bagi Tahun 2025 telah diadakan di Pusat Komuniti Tumpat pada hari ini. Ahli-Ahli majlis yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang dan profesion ini telah mengesahkan pelantikan di hadapan YABrs. Tuan Wan Ahmad Suwaidi Zainal Abidin, Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Tumpat. Turut hadir bagi menyaksikan lafaz ikrar ahli majlis ini adalah YB Dato' Ahli Parlimen Tumpat, YB ADUN Wakaf Bharu dan YB ADUN Kelaboran.



Selesai majlis mengangkat sumpah, program disambung dengan Mesyuarat Penuh Bil 2 Tahun 2025 dan seterusnya diadakan juga Solat Hajat dan Jamuan Makan Tengahari di Kediaman Rasmi Ketua Jajahan Tumpat.

Majlis Daerah Tumpat ingin merakamkan ucapan tahniah dan mengucapkan selamat bertugas kepada semua ahli majlis. Majlis turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua mantan ahli majlis di atas perkhidmatan mereka pada penggal lepas.






Program Gotong Royong Pantai Geting



19.2.2025 (Rabu) - Program Gotong Royong Pantai Geting telah diadakan anjuran SMK Geting dengan kerjasama daripada Majlis Daerah Tumpat. Tujuan program diadakan ialah untuk membersihkan pesisir pantai dan pada masa yang sama menyemai semangat kesukarelawan dalam kalangan pelajar. Penyertaan adalah seramai 400 orang yang terdiri daripada pelajar tingkatan 3, 4 dan 5.

Majlis Daerah Tumpat mengucapkan jutaan penghargaan kepada SMK Geting di atas penganjuran program. Kami di MDT sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada semua pihak untuk memastikan kebersihan pantai yang kita sayangi terus terjaga.





Majlis Penyampaian Sumbangan Perkampungan Ramadan 1446/2025

26.3.2025 (Rabu) - Majlis Penyampaian Sumbangan Perkampungan Ramadan MDT bagi tahun 1446/2025 telah diadakan dengan jayanya di Laman Warisan Kampung Laut. Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob, ADUN Pasir Pekan. Seramai 60 orang penerima dari seluruh Tumpat menerima sumbangan di majlis yang diadakan. Turut diadakan majlis penyampaian sijil dan sumbangan kepada peserta Tadarus Rakan Muda. Program ini juga merupakan penutup kepada Program Perkampungan Ramadan MDT bagi tahun 2025.

Turut hadir di majlis ini ialah YB Haji Mohd Adanan Hassan, ADUN Kelaboran, YB Haji Mohd Rusli Abdullah, ADUN Wakaf Bharu, YB Dato' Hajjah Mumtaz Md Nawi dan Ustaz Nazri Abdullah Ketua Whip MDT.





Sisa pukal menyumbang kepada masalah limpahan sampah



22.4.2025 (Selasa) - Kerja-kerja pembersihan tapak tong sampah awam dijalankan pada hari ini di beberapa lokasi.

Lokasi pembersihan pada hari ini :-

1. Dekat Stesen KTMB Wakaf Bharu
2. Dekat PERODUA Kutan, Pasir Pekan
3. Tepi Pagar Hospital Tumpat.



Sebagaimana biasa, sisa pukal masih merupakan penyumbang terbesar kepada kutipan sampah harian. Ia adalah satu kesalahan jika anda membuang sisa pukal di tong sampah awam. Perabot lama, sisa kayu kayan merupakan jenis sisa pukal yang memerlukan orang ramai melupuskannya sendiri. Tong sampah awam hanya menerima sisa domestik sahaja.



Pembersihan sisa pukal di sekitar bandar Tumpat



06.05.2025 (Selasa) - Pembersihan Sisa Pukal Dalam Kawasan Bandar Tumpat telah dijalankan pada hari ini di beberapa lokasi :

1. Kg. Besut Luar
2. Depan Pagar SKST1
3. Dekat Selekoh Kg. Dalam Rhu Hujung
4. Perumahan JPN Jubakar Pantai

Pembuangan sisa pukal di tapak tong sampah awam masih berlaku di dalam daerah Tumpat. Patuhi cara pelupusan sisa pukal yang betul untuk kebaikan dan kemudahan kita sesama ahli komuniti.





Wakaf Bharu Sihat & Ceria Mengangkat Nilai Kebertanggungjawaban Komuniti

19.6.2025 (Khamis) - Program Kemampanan Komuniti Bandar PKKB: Wakaf Bharu Sihat & Ceria telah diadakan pada 19 Jun 2025 bertempat di Perkarangan Pasar Wakaf Bharu. Program anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Pertubuhan Cakna Ummah Wakaf Bharu ini memfokuskan pengisian gotong royong dan juga pertandingan mewarna untuk pelajar sekolah rendah. YB Haji Mohd Rusli Abdullah, ADUN Wakaf Bharu telah hadir untuk merasmikan program.

Sepanjang program, para peserta memanfaatkan masa yang ada dengan aktiviti pembersihan persekitaran termasuk surau dan perkarangannya. Terima kasih kepada semua peserta dan semoga penglibatan ahli komuniti di dalam program ini akan diteruskan pada masa akan datang.





MAJLIS DAERAH TUMPAT

Julai 2025



OPERASI BERSEPADU MDT BERSAMA JABATAN IMIGRESEN DAN KPDN

21.7.2025 (Isnin) Sebanyak 15 premis telah diperiksa dalam satu Operasi Bersepadu melibatkan Premis Warga Asing di sekitar Tumpat. Ops yang melibatkan MDT, Jabatan Imigresen dan KPDN Kelantan ini dijalankan bermula pada jam 9.00 malam sehingga 1.00 pagi.

Hasil operasi pihak MDT telah mengeluarkan 5 kompaun atas pelbagai kesalahan mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan, Tred Perniagaan dan Perindustrian MDT 2019 selain rampasan barangan jualan yang tidak dibenarkan.

Sementara itu, pihak Jabatan Imigresen juga telah berjaya membuat penahanan dan penangkapan melibatkan seramai 11 orang warga asing yang dipercayai tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan melanggar syarat permit kerja.

Pihak KPDN juga telah mengenakan tindakan melibatkan dua buah premis yang telah melanggar undang-undang KPDN.

Operasi ini dilaksanakan sebagai langkah berterusan pihak berkuasa dalam memantau dan memastikan pematuhan undang-undang, khususnya melibatkan premis yang dikendalikan oleh warga asing.





Ceramah Pembangunan Jati Diri Belia Siri 2

20.8.2025 (Rabu) - Ceramah Pembangunan Jati Diri Belia telah memasuki siri ke dua dan jelajah kali ini bertempat di Maahad Muhammadi Pasir Pekan. Program kali ini memuatkan pengisian Ceramah Pembangunan Remaja yang disampaikan oleh wakil dari Pejabat Kesihatan Daerah Tumpat dan Ceramah Kesedaran Kebersihan telah disampaikan oleh Encik Mohd Amirul Hafiz, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran MDT.

Terima kasih kepada warga Maahad Muhammadi Pasir Pekan yang sudi menerima kunjungan kami dalam misi membina generasi Rabbani.





Ceramah Pembangunan Jati Diri Belia Siri 2

11.9.2025 (Khamis) - Majlis Daerah Tumpat (MDT) telah melupuskan secara musnah sebanyak 9,036 unit rokok elektronik & cecair (vape) hasil rampasan daripada operasi penguatkuasaan sepanjang Januari sehingga Ogos 2025. Hasil rampasan ini turut merangkumi Operasi Taring Wawasan Kelantan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) bersama Bahagian Penguatkuasaan MDT membabitkan premis yang menjalankan perniagaan(vape).





MAJLIS DAERAH TUMPAT

Oktober 2025



TAMAN REKREASI PUTERI SAADONG MERCU TANDA BARU WAKAF BHARU

1123.10.2025 (Khamis) - Perasmian Taman Rekreasi Puteri Saadong telah disempurnakan oleh YABrs Tuan Mohamad Nazwan Bin Ismail, Yang Dipertua Majlis Daerah Tumpat. Taman Rekreasi yang terletak di Jalan Puteri Saadong itu kini menjadi satu mercu tanda Wakaf Bharu yang baru. Taman rekreasi ini mengandungi komponen seperti padang bolasepak, trek brieswalk, alatan permainan kanak-kanak, peralatan senaman dan gelanggang pickleball.

Tuan Mohamad Nazwan dalam ucapannya berharap agar taman ini yang telah menjalani pengubahsuaian dan penambahbaikan dapat dimanfaatkan oleh warga setempat dengan sebaik-baiknya. Turut menyampaikan ucapan dalam majlis tersebut ialah YB Haji Mohd Rusli Abdullah, ADUN Wakaf Bharu.





MAJLIS DAERAH TUMPAT

November 2025



Pembersihan Sisa Pukal di Pengkalan Kubor (Berdekatan Kawasan Bebas Cukai)



5 November 2025 (Rabu) - Kerja-kerja pembersihan sisa pukal telah dijalankan di tapak tong sampah berdekatan Kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubor.

Beginilah sikap tidak bertanggungjawab segelintir penduduk apabila membuang sisa pukal di kawasan awam.

"Alangkah indahnya jika semua penduduk sama-sama menjaga kebersihan persekitaran demi keselesaan bersama."

PERINGATAN

Mana-mana individu yang didapati membuang sisa pukal di kawasan awam atau di luar tong sampah yang disediakan oleh pihak Majlis akan dikenakan *kompaun maksimum RM1,000.00* di bawah peruntukan undang-undang kebersihan.

ALTERNATIF PEMBUANGAN SISA PUKAL:

Sisa pukal boleh dibuang terus ke Tapak Pelupusan Kok Bedullah, Tumpat

Waktu operasi: 8.00 pagi – 5.00 petang

(Ahad – Sabtu)

Kadar bayaran:

1) RM20.00 (bawah 5 tan)

2) RM40.00 (atas 5 tan)



MAJLIS DAERAH TUMPAT

Disember 2025



Pembersihan Sisa Pukal di Pengkalan Kubor (Berdekatan Kawasan Bebas Cukai)



23.12.2025 (Selasa) - Kerja-kerja Pembersihan Sisa Pukal disambung di Zon Pengkalan Kubor. Lambakan sisa pukal yang dibuang dalam pelbagai bentuk menjadikan tapak tong sampah awam tidak selamat untuk digunakan. Bukan sahaja bau dan pemandangan yang tercemar, apa yang lebih membimbangkan ianya akan menjadi sarang haiwan berbisa disebabkan timbunan sisa pukal yang dibuang di tapak tong sampah awam.

Tong sampah awam hanya untuk sampah domestik. Untuk sisa pukal, berikut tempat yang betul untuk dilupuskan sisa pukal;

Peringatan

Mana-mana individu yang didapati membuang sisa pukal di kawasan awam atau di luar tong sampah yang disediakan oleh pihak Majlis akan dikenakan *kompaun maksimum RM1,000.00* di bawah peruntukan undang-undang kebersihan.

Alternatif Pembuangan Sisa Pukal

Sisa pukal boleh dibuang terus ke Tapak Pelupusan Kok Bedullah, Tumpat

Waktu operasi: 8.00 pagi – 5.00 petang (Ahad – Sabtu)

Kadar bayaran:

- 1) RM20.00 (bawah 5 tan)
- 2) RM40.00 (atas 5 tan)

